



NIK Salma menunjukkan jarinya yang cedera di rumahnya di Chabang Empat, Tumpat. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

# MAHU SEMBUH, LUPAKAN **TRAGEDI**

*Mangsa tikaman suami belum pulih sepenuhnya*

## Tumpat

**“B**uat masa sekarang saya ingin tumpukan proses penyembuhan semua kecederaan ini, tak mahu lagi ingat kejadian buruk itu,” kata mangsa tikaman suami, Nik Salma Joni dari Chabang Empat di sini.

Nik Salma, 26, yang mengalami kecederaan di beberapa jari di kedua-dua tangan dan kesan tikaman di kepala belum sembuh sepenuhnya walaupun kejadian itu berlaku lebih sebulan lalu.

Menurutnya, dia trauma pada awal kejadian itu, namun kini semakin beransur pulih biarpun sesekali ada terlintas bayangan tragedi terbahit.

“Sudah lebih sebulan berlalu, namun luka di tangan dan kepala saya belum pulih sepenuhnya, malah beberapa kesan jahitan di kepala kadangkala mengeluarkan darah serta nanah.

“Sebatang jari tangan kiri saya patah dan jari tengah kiri juga cedera kerana di-



JARI kedua-dua tangan Nik Salma cedera dalam serangan.

tetak manakala jari manis pula putus, tetapi berjaya disambung,” katanya di rumahnya di sini, semalam.

Nik Salma berkata, dia menerima rawatan di hospital selama seminggu.

Sebagai rawatan susulan, dia perlu menghadiri janji temu dengan pakar ortopedik serta psikologi untuk perkembangan lanjut.

Selain trauma, faktor keselamatan juga menjadi penyebab wanita yang baharu lima bulan mendirikan rumah tangga itu pada awalnya enggan pulang kerana keadaan beberapa ruang dalam rumahnya agak uzur

serta perlu dipasang jeriji besi.

Atas dasar prihatin, sebuah badan bukan kerajaan, Group Gatih Amal (GGA) yang dipengerusikan Abd Halim Shafai dengan kerjasama sebuah syarikat besi dan keluli membantu keluarga itu membuat pemasangan jeriji di beberapa bahagian rumah mangsa.

Dalam kejadian 21 Jun lalu, ibu mangsa, Tuan Azizah Tuan Bongsu, 66, turut cedera di kepala dan menerima empat jahitan kerana ditikam dengan pisau.

Tuan Azizah berkata, kejadian yang berlaku di depan



*Daripada melihat anak mati, biar saya yang hilang nyawa dan disebabkan itu, saya cuba melindunginya daripada terus ditikam meskipun saya sendiri cedera”*

Tuan Azizah

matanya itu terlalu pantas dan tiada apa yang difikirkannya ketika itu selain menyelamatkan Nik Salma yang sedang ditikam bertubi-tubi oleh menantunya.

“Daripada melihat anak mati, biar saya yang hilang nyawa dan disebabkan itu, saya cuba melindunginya daripada terus ditikam meskipun saya sendiri cedera dan kesannya masih terasa sakit sehingga hari ini,” katanya.

Menurutnya, dia berterima kasih kepada GGA kerana bersimpati dengan nasib mereka dan membantu memasang jeriji.